

# Medan Bahasa

## Pergandaan Kata

Oleh: Nukman Alimin

Tersenyum-senyum kambing saya manakala saya terdengar seorang hamba Allah (juruhebah Radio Malaya) berkata (lebih kurang begini):

“Empat puluh buah rumah-rumah di kampung itu telah dibinasakan oleh api.” Di dalam hati saya: “Inilah suatu penyakit yang kerap kali dihadapi oleh kebanyakan orang sekarang. Jikalau dibiarkan tidakkah makin melarat makin merebak? Kemudian apalah kelak akan jadi kepada Bahasa Melayu? – Bahasa yang kononnya mereka junjung tinggi dan baharu-baharu ini didokong pula!”

Tiada saya mahu sebutkan nama orang itu; bukanlah kerana memelihara nama baiknya sahaja tetapi dari kerana ada banyak lagi orang-orang yang seumpama dia. Bahawa sesungguhnya banyak lagi kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh kebanyakan penulis dan pengarang yang mengaku dirinya pandai di dalam Bahasa Melayu (bukanlah saya kata saya pandai pula, sekali-kali tidak). Yang hendak saya bicarakan kali ini ialah “sejemput dari segantang” kesalahan-kesalahan itu. Oleh yang demikian jika siapa-siapa pembaca yang malas hendak membuka kitab nahu Melayunya atau pun sudah nyanyuk sebab lama sudah ia keluar dari

sekolah maka sudi apalah kiranya rebus rencana saya ini, minum airnya secangkir pada tiap-tiap pagi.

*Inshā' Allāh* mustajab!

Di dalam Bahasa Melayu ada tiga macam pergandaan:-

(Pertama) Pergandaan pada pangkal kata.

(Kedua) Pergandaan tidak berubah.

(Ketiga) Pergandaan berubah.

Adapun pergandaan pada pangkal kata itu ialah seperti: Kekura, kekabu, lelakon, lelaki, tetuang, pepatah, gegala dan lain-lain lagi. Iaitu asalnya daripada: Kura-kura, kabu-kabu, lakon-lakon, laki-laki, tuang-tuang, patah-patah dan gala-gala.

Pergandaan tidak berubah itu ialah seperti:

Kura-kura, kabu-kabu dan lain-lain. Terbahagi pergandaan tidak berubah kepada empat bahagian, iaitu:

- (A) Pergandaan tidak berubah pada nama
- (B) “ “ “ pada perbuatan
- (C) “ “ “ pada rupa
- (D) “ “ “ pada perkataan yang tidak terang jenisnya.

### (1) Pergandaan Tidak Berubah Pada Nama

Misalnya: Berbagai-bagai, buah-buah, pokok-pokok

Jika kita kata: Sekolah Melayu – berapa?

lembu-lembu, bunga-bunga, bunga-bungaan, buah-buahan, tuan-tuan (berlain pangkat), barang-barang, ompang-ompang.

Sebuah sekolah Melayu - tentu bilangannya

(3) Setengah-setengah binatang yang biasa terbang ramai-ramai,

berkawan ramai-ramai, berulang-ulang kali membuat sesuatu

perkara atau pun binatang yang banyak kakinya, maka digandakan,

Misalnya: Anai-anai, rama-rama, kupu-kupu, kunang-kunang, keliap-kelip,

labi-labi, labah-labah, kura-kura, burung layang-layang,

anggota-anggota, jentik-jentik, umpai-umpai.

Sekolah-sekolah Melayu – berjenis-jenis sekolah –

sekolah laki-laki, perempuan

Pergandaan tidak berubah pada nama menunjukkan:

(1) Tiada tentu bilangannya

Misalnya: Orang-orang, budak-budak, rumah-rumah

Demikian pula benda yang banyak sentiasa, yang

(2) Berjenis-jenis

berselang-seli, misalnya: Kabu-kabu, kisi-kisi.



Sebahagian dari pelajar-pelajar Madrasah al-Masriyah, Bukit Mertajam bergambar untuk kenangan, kerana cuti bulan

Shawwal al-Mubārak 1380. Kiriman Omar Adli Johor.

## **(2) Pergandaan Tidak berubah Pada Perbuatan**

Digandakan perbuatan kerana membawa maksud:	Lidah	- Ikan lidah-lidah
(1) Berulang-ulang, tiada tentu hadnya	Langit	- Langit-langit
Misalnya: Ajak-ajak ayam, menakut-nakutkan, terkapa-kapa, berkilau-kilauan, kencang-kencang, terhegeh-hegeh, berlari-lari, beransur-ansur, terketar-ketar, berkata-kata, duduk-duduk, lihat-lihat, berjimat-jimat, menyala-nyala, tulis menulis, lambai melambai, ayun temayun, isi mengisi, angguk mengganguk, karang mengarang, timbang menimbang.	Buat	- Labu-labu (bekas air)
	Kelip	- Kelip-kelip (sejenis binatang)
	Merah	- Merah-merah, kemerah-merahan
	Kuning	- Kekuning-kuningan
	Orang besar	- Orang besar-besar
	Orang tua-	Orang tua-tua
(2) Berbalas-balas (kerap kali perbuatan itu memakai penambah ber),	Kuda	- Kuda-kuda
misalnya: Berkasih-kasih (berkasih-kasihan), berbalas-balas, berutus-utus surat, bertukar-tukar fikiran, berlari-larian, kenang mengenang.	Anak	- Anak-anakan
	Orang	- Orang-orang
	Ketuk	- Ketuk-ketuk
	Ombak	- Ombak-ombak
	Jala	- Jala-jala
	Tupai	- Tupai-tupai

## **(3) Pergandaan Tidak Berubah Pada Rupa**

Digandakan rupa itu kerana membawa maksud:		
(1) Banyak dan tiada tentu ataupun berulang kali.		
Misalnya: Orang putih tinggi-tinggi, gila-gila bahasa, hangat-hangat tahi ayam, sengal-sengal sendi tulangku, sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit.		

## **(2) Menguatkan makna rupa:**

Misalnya: Sangat-sangat jahat, hampir-hampir serupa		
(3) Menukar rupa nama atau lain-lain jenis perkataan kepada rupa kata, misalnya:		
Buai laju-laju, hampir-hampir terjerumus, nyaris-nyaris mati, tulis cantik-cantik, kerat pendek-pendek, jaga baik-baik, belajar sungguh-sungguh, rajin-rajin.		

Kadang-kadang digandakan perkataan kerana hendak menamakan sesuatu benda yang seakan-akan rupanya dengan benda yang lain, misalnya:

## **(4) Pergandaan Pada Perkataan Yang Tidak Tentu Jenisnya**

Misalnya ialah: Cuma-cuma, kadang-kadang, compang-camping<sup>1</sup>, pura-pura, sia-sia, kira-kira.

### **Pergandaan Berubah**

Ada pun pergandaan berubah itu ialah:  
Kuih-muih, gunung-ganang, gawang gontong<sup>2</sup>,

lauk pauk, letih lesu, pantang pembeli, gajah biram  
dan lain-lain lagi.

Bilakah tidak boleh digandakan perkataan?

Tidak boleh digandakan perkataan jika

- (1) Perkataan itu tetap
  - (2) Tiada berjenis-jenis
  - (3) Ada perkataan yang menerangkan maksud “banyak”
- Tidak boleh digandakan perkataan: Darah, nasi

<sup>1</sup> Perkataan yang paling sesuai compang-camping

<sup>2</sup> Tidak dapat dipastikan perkataannya, tetapi yang paling hampir sama ada gaung/gawang juga bukanlah kata ganda berirama.



*Waris-waris dan penuntut-penuntut Madrasah Nahdah al-Waṭaniyah. Kokdiang<sup>1</sup> Kedah, bergambar ramai semasa hari mesyuarat agung yang telah diadakan baharu-baharu ini. Pengenalan: Yang bertanda (1) Ustaz Abdul Rahman Osman (Nazir Madrasah), (2) Tuan Haji Ahmad Awang (Ahli Jawatankuasa Tadbir), (3) Tuan Haji Siraj (Imam Masjid Kokdiang) ahli jawatankuasa daerah, dan yang bertanda X ialah Tuan Pengawas Madrasah – Lebai Ahmad Osman.*

padi, pasir, air, jantung, matahari, guru, petir, angina, udara, mata, kaki, perut, gajah, gigi, dan lain-lain lagi.

Saya lihat dengan mata.

Tidak boleh dikata: Saya lihat dengan mata-mata, sebab bilangan mata itu tetap (dua).

Ali berjalan kaki ke sekolah.

Tidak boleh dikata: Ali berjalan kaki-kaki ke sekolah.

Demikian juga, emak membeli beras, ia hendak menanak nasi, budak kecil itu main pasir, Ali menggosok gigi.

Tiga orang, kedua belah tangan, empat puluh buah rumah. Salahlah jika dikata: Tiga orang-orang, kedua belah tangan-tangan, empat buluh buah rumah-rumah.

Perkataan-perkataan yang menunjukkan banyak itu boleh terjadi daripada bilangan atau perkataan-perkataan seperti:

Para, jemaah, sekalian, segala, semua, sarwa (sarwa), sekumpulan, seketumbukan, sepasukan, beberapa.

Kita kata:

Para hakim, jemaah menteri, sekalian budak, segala pekerjaan, semua orang, sarwa alam, sekumpulan askar, seketumbukan soldadu, sepasukan mata-mata, beberapa hari, bukan:

Para-para hakim atau para hakim-hakim, jemaah-jemaah menteri atau jemaah menteri-menteri, sekalian budak-budak, segala pekerjaan-pekerjaan, semua orang-orang, sarwa alam-alam, sekumpulan askar-sakar, seketumbukan soldadu-soldadu, sepasukan mata-mata, beberapa hari-hari!

<sup>3</sup> sekarang Kodiang